

Sinar 14/5/2011 #MS 4.

Mengapa wanita jadi mangsa simbah asid?

NURULFATIHA MUAH

KUALA LUMPUR – Wanita di sekitar Ibu Kota kini hidup tidak tenteram berikutan kes simbah asid yang semakin menjadi-jadi tanpa dapat dirungkai puncanya.

Polis masih memburu penjenayah terbabit, namun apa yang menjadi misteri ialah mengapa wanita yang diserang, terutama mereka yang bertudung, yang sekali gus mencetuskan andaian, penyerang mungkin berendam terhadap golongan yang berimej seperti itu.

Setakat ini, mengikut rekod polis, mangsa disimbah asid ketika berada di tempat awam, termasuk kes terbaru di Seksyen 10, Wangsa Maju, pagi semalam.

Dalam kejadian kira-kira 8.45 pagi itu, seorang wanita berusia 30-an berada di dalam kereta yang diberhen-

**ZULKIFLI**

tikan di tepi jalan disimbah asid oleh seorang penunggang motosikal ketika dia sedang buka tingkap kereta.

Bekas Ketua Polis Kuala Lumpur yang juga Pengarah Jabatan Logistik Polis Diraja Malaysia (PDRM) berkuat kuasa Rabu lalu, Datuk Zulkifli Abdullah berkata, simbahan cecair itu mengenai tubuh mangsa menyebabkan dia berasa gatal tetapi tidak melecur.

“Kita percaya cecair itu

bukan asid tulen, tetapi mengandungi bahan campuran lain. Polis masih menyiasat sama ada kejadian itu mempunyai kaitan dengan kes simbahan cecair dilaporkan sebelum ini,” katanya pada sidang media selepas menyertai pertandingan menembak antara polis kontinjen Kuala Lumpur dan media di Pusat Latihan Polis (Pulapoli) Jalan Semarak, di sini, semalam.

Mengulas mengenai kes simbahan cecair, Zulkifli berkata, setakat ini, pihaknya menerima 22 laporan berhubung kes itu melibatkan mangsa wanita dan siasatan mungkin dijalankan mengikut Kanun Keseksan kerana mendatangkan kecederaan kepada mangsa.

“Bagaimanapun, kita masih belum tentukan seksyen siasatan dan ia akan ditentukan sejurus suspek diberkas.

“Kita akan teliti undang-

undang setimpal kesalahan suspek dan cadangkan kepada pihak pendakwa raya untuk tindakan lanjut,” katanya.

Menurutnya, tiada tangkapan dibuat setakat ini dan pihaknya sedang meneliti beberapa bahan bukti, antaranya rakaman kamera litar tertutup (CCTV) untuk mengesan suspek.

“Menerusi laporan diterima, ada dua individu disyaki terlibat simbah asid,” katanya.

Dalam pertandingan menembak semalam, seramai 59 pegawai media dan 50 pegawai PDRM menyertainya bertujuan merapatkan hubungan kedua-dua pihak.

Dalam pada itu, Zulkifli berharap segala pelan strategik diatur untuk mengurangkan kadar jenayah di ibu kota akan dilaksanakan sebaik mungkin oleh pimpinan baru kontinjen Kuala Lumpur.

Hati-hati ketika berada di luar rumah

KUALA LUMPUR – Golongan wanita dinasihatkan berhati-hati ketika berada di luar rumah dan sentiasa berwaspada dengan penunggang motosikal.

Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Khalid Abu Bakar berkata, mereka diancam bahaya dengan adanya insiden simbahan cecair menyerupai asid di Ibu Kota sejak tiga bulan lalu.

“Sasaran utamanya adalah wanita berseorangan tidak kira bangsa.

“Daripada maklumat yang kami terima, si pelaku adalah seorang atau dua lelaki. Mereka tiada motif tertentu. Jika ada peluang, mereka akan dekati mangsa sebelum simbah cecair berkenaan,” katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, di sini, semalam.

Khalid meminta orang ramai membantu polis mengesan pelaku itu.

Terbaru, Sinar Harian melaporkan, Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Datuk Seri Mohd Bakri Zinin berkata, polis bekerjasama dengan persatuan teksi untuk mengesan dua ‘lelaki asid’ terbabit.

Menurutnya, setakat ini, siasatan polis mendapati suspek berkulit gelap dan menaiki motosikal.

Menurutnya, melalui siasatan, suspek dikesan melakukan kegiatan itu waktu petang Isnin hingga Jumaat dan pada pagi pada Sabtu serta Ahad.

Suspek juga dipercayai terlibat dalam tiga kes sama di Selangor. Motif kejadian masih disiasat.

Perbuatan terbabit dikesan sejak Februari lalu.

Pernah dilukai

SHAH ALAM – Pakar psikologi tidak menolak kemungkinan hati penyerang yang menyimbah asid kepada beberapa wanita pernah dilukai wanita.

Pensyarah Psikologi dan Kaunseling Universiti Malaya, Profesor Dr Suradi Salim berkata, dia mungkin pernah putus cinta dan ini akibatkan dia membalas dendam.

Penyerang itu mungkin juga menerima didikan tidak betul sejak kecil.

Dalam sesetengah kes, katanya terdapat pelaku sengaja melakukan perbuatan itu kerana gemar menyakiti orang lain.

Mengenai kes simbah asid masa ini, Suradi berkata, motifnya sukar dikenali pasti tetapi pelaku itu memang ada masalah psikologi.

Kes Simbah Asid

Suspek

- Dalang dipercayai dua lelaki bermotosikal
- Bertukar motosikal setiap kejadian
- Kadang-kadang seorang pelaku bertindak dan kadang-kadang dua pelaku sekali gus bertindak
- Berkulit gelap dari satu kaum
- Gemuk dan kurus
- Berusia 20 hingga 30 tahun

Mangsa

- Wanita berseorangan sama ada berjalan kaki atau dalam kenderaan

Modus Operandi

- Jumlah kes dilaporkan: 23 kes setakat ini
- Motif belum dipastikan
- Aktif berlaku sejak Februari lalu hingga kini
- Serang wanita dengan memanggil dari belakang dan simbah cecair bila mangsa toleh
- Cecair itu dipercayai bahan peluntur beralkali tinggi
- Kesan cecair membuatkan kulit gatal dan pedih

- Suspek bertindak antara waktu pagi dan petang
- Kawasan dilaporkan berlaku setakat ini: Sentul, Dang Wangi, Persiaran Titiwangsa, Wangsa Maju, Jalan Pudu Lama, Jalan Putra, Bangsar

Tindakan polis

Pada 11 Mei lalu, polis mengumumkan kerjasama dengan persatuan teksis untuk mengesan dua dalang itu

Pada 12 Mei lalu, polis mendapat gambaran suspek melalui kamera litar tertutup (CCTV)

- Bekas Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Zulkifli Abdullah memaklumkan siasatan mungkin dijalankan mengikut Kanun Keseksaan atas kesalahan menandatangani kecederaan
- Suspek belum diberkas
- Orang ramai yang memiliki maklumat maklumkan segera kepada Rakan Cop atau Bilik Gerakan Polis Kuala Lumpur di talian 03-21159999

Kronologi

2 Mac

Lapan murid tahun empat dan enam serta seorang guru sekolah rendah di Sekolah Kebangsaan (SK) Bukit Bandaraya di Bangkung, Bangsar disimbah asid oleh penunggang motosikal.

24 Mac

Mangsa ke-10, Rohainah Hussin, 30, yang terkena simbahan asid di muka dan leher berasa panas pada muka dan leher selepas seorang lelaki bermotosikal menyimbah sejenis cecair ke arahnya dan rakannya ketika mereka menuju ke kereta rakannya berhampiran tempat letak kereta Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) di Brickfields. Rakan sekerjanya cedera ringan.

25 Mac

Seorang guru yang sedang melalui kawasan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (SRJK) Tamil Vivekanda di Brickfields, tiba-tiba disimbah sejenis cecair oleh seorang lelaki bermotosikal tidak dikenali sehingga mengalami kecederaan parah di dada. Mangsa difahamkan sebagai mangsa ke-12 kes simbah asid.

26 Mac

Sepasang kekasih warga Perancis yang

melancong ke negara ini turut menjadi sasaran lelaki itu ketika mereka sedang berjalan di Jalan Conlay, kira-kira jam 3 petang hingga kedua-duanya mengalami radang kulit.

2 April

Seorang wanita berumur 27 tahun bersama anak saudaranya berumur 18 tahun disimbah sejenis cecair oleh dua orang lelaki yang menunggang motosikal pada jam 9 malam.

6 Mei

Dua wanita disimbah asid dari arah belakang oleh penunggang motosikal berdekatan Jalan Pudu Lama, pada jam 9 malam.

6 Mei

Seorang peguam turut disimbah sejenis cecair berdekatan Jalan Putra.

7 Mei 2011

Seorang wanita dan anaknya berumur setahun yang berada di sekitar rumah turut disimbah sejenis cecair dipercayai asid di Persiaran Titiwangsa.

13 Mei 2011

Seorang wanita berusia 30-an disimbah cecair menyerupai asid ketika dalam kereta di Seksyen 10, Wangsa Maju.